

**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN TERENGGANU
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU
PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2001**

TINGKATAN: EMPAT

JAWAPAN: SOALAN OBJEKTIF DAN SKEMA JAWAPAN

KOD MATA PELAJARAN :	1103/1 dan 1102/2
MATA PELAJARAN :	BAHASA MELAYU
KERTAS :	SATU DAN DUA

GARIS PANDUAN PEMERIKSA

1. a) **Format** - Tiada
b) **Diharapkan** - Calon dapat menulis mengenai peranan PIBG dalam membantu meningkatkan kecemerlangan sekolah dalam pelbagai aspek.
c) **Kemungkinan** - Tiada
2. a) **Format** - Syarahan
Tolak maksimum 4 markah jika - tidak pendahuluan tolak 2m
- kata-kata Tuan-tuan dan Puan-puan tolak 1m
- penutup tolak 1m
b) **Diharapkan** - Calon dapat menulis mengenai kepentingan komputer dalam kehidupan masyarakat.
c) **Kemungkinan**
 - i. Calon menulis mengenai kebaikan dan keburukan komputer – diterima.
 - ii. Calon menulis mengenai keburukan komputer sahaja – Karangan Terpesong.
3. a) **Format** - Tiada
b) **Diharapkan** - Calon dapat menulis mengenai faktor-faktor mutu sukan negara merosot dan langkah-langkah menanganinya.
c) **Kemungkinan** - Calon membincangkan sebahagian isi sahaja diterima tetapi markah isi masih baik.
4. a) **Format** - Wawancara
Tolak 4 markah jika - tidak pendahuluan – tolak 2m
- tidak ditulis dalam bentuk dialog – tolak 1m
- tiada penutup – tolak 1m
b) **Diharapkan** - Diharapkan calon dalam mengemukakan langkah-langkah untuk menggalakkan amalan berjimat cermat.
c) **Kemungkinan**
 1. Calon membincangkan faedah dan langkah menggalakkan amalan berjimat cermat diterima.
 2. Calon membincangkan faedah sahaja tanpa langkah menggalakkan amalan berjimat cermat – karangan terpesong isi.
 3. Calon lebih memfokuskan kepada bukan golongan kanak-kanak dan remaja sebaliknya masyarakat secara umum – diterima.
5. a) **Format** - Surat Kiriman Rasmi
Tolak maksimum 4 markah jika - tiada alamat pengirim – 1m
- tiada alamat penerima – 1m
- tiada tajuk – 1m
- tiada tarikh – 1m
- tidak tanda tangan – 1m
b) **Diharapkan** - Calon diharapkan dapat membincangkan masalah dan langkah-langkah untuk mengatasinya.
c) **Kemungkinan** - Calon membincangkan sebahagian isi sahaja – markah isi masih baik
6. a) **Format** - Cerpen
Tolak 4 markah jika - tiada tajuk tolak 2m
- tiada dialog - 1m
- tiada nama penulis - 1m
b) **Diharapkan** - Calon dapat menulis sebuah cerpen yang bertema “Gur
c) **Kemungkinan** - Calon menulis cerpen tidak berdasarkan watak guru -

BAHASA MELAYU

Kertas 1
(1103/1)

PERATURAN PEMARKAHAN

Markah Penuh: 100

1.0 Tujuan Pengujian: Untuk menguji kebolehan calon dalam :-

- 1.1 Membina, mengumpul, memilih dan menyusun atur idea-idea atau isi-isi, hujah-hujah dan bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk karangan.
- 1.2 Melahirkan idea, isi, pendapat, hujah, pengalaman dan perasaan dengan bahasa yang jelas dan berkesan.
- 1.3 Menguasai teknik mengarang pelbagai bentuk karangan dan menggunakannya untuk berbagai-bagai tujuan; menguasai penggunaan perenggan-perenggan dan tanda-tanda baca pada tempat-tempat dan keadaan yang sesuai.
- 1.4 Menulis dengan bahasa yang kemas, lancar dan jelas, struktur ayat yang betul dan gaya bahasa yang menarik serta bersesuaian dengan tajuk karangan.

2.0 Langkah-langkah Pemeriksaan

- 2.1 Pemeriksa hendaklah membaca setiap karangan dengan teliti untuk mendapatkan kesan daripadanya, selepas itu menilai dan menganggarkan tahap karangan itu agar dapat dimasukkan ke dalam peringkat tertentu mengikut kriteria yang ditetapkan.
- 2.2 Pemeriksa membaca karangan itu kali kedua sambil menurunkan tanda-tanda pemeriksaan dan menetapkan markah berdasarkan kriteria-kriteria berikut:-

Keterangan Kriteria	Peringkat	Markah	Ciri-ciri Karangan
1. Takrif (10 Markah)	Cemerlang	(9 – 10)	Takrif sangat tepat, disertakan dengan contoh dan huraian yang tepat dan jelas.
	Baik	(7 – 8)	Takrif tepat, disertakan dengan contoh dan huraian yang sesuai.
	Masih Baik / Memuaskan	(5 – 6)	Takrif masih tepat, disertakan dengan contoh dan huraian yang masih sesuai.
	Kurang Memuaskan	(3- 4)	Takrif masih betul tetapi tidak ada contoh dan huraian kurang jelas
	Lemah	(1 – 2)	Takrif kurang tepat/kurang jelas
2. Isi/Fikiran (30 markah)	Cemerlang	a) (28 – 30) b) (25 – 27)	Isi : Minimum tiga isi utama Huraian : Sangat berkembang Contoh : Tepat dan jelas Fikiran : Sangat matang
	Baik	a) (22 – 24) b) (19 – 21)	Isi : Minimum tiga isi utama Huraian : Berkembang Contoh : Tepat dan jelas Fikiran : Matang
	Masih Baik / Memuaskan	a) (16 – 18) b) (13 – 15)	Isi : Minimum tiga isi Huraian : Masih berkembang Contoh : Masih tepat dan jelas Fikiran : Masih matang
	Kurang Memuaskan	a) (10 – 12) b) (7 – 9)	Isi : Tiga /kurang/campur aduk/tidak cocok Huraian : Kurang/ tidak berkembang Contoh : Kurang tepat dan kurang/- tidak jelas Fikiran : Kurang matang
	Lemah	a) (4 – 6) b) (1 – 3)	Isi : Tidak jelas/kabur Huraian : Lemah Contoh : Tidak tepat/tiada Fikiran : Tidak matang

Keterangan Kriteria	Peringkat	Markah	Ciri-ciri Karangan
3. Bahasa (40 markah)	Cemerlang	a) (38 – 40) b) (35 – 37)	Bahasa : Sangat memuaskan dan lancar Semua ayat gramatis Tatabahasa: Terdapat kesalahan yang tidak ketara Ayat : Terdapat pelbagai jenis ayat Kosa kata : Sangat luas dan tepat penggunaannya Tanda baca : Betul dan tepat
	Baik	a) (31 – 34) b) (28 – 30)	Bahasa : Memuaskan dan lancar Tatabahasa: Terdapat kesalahan yang ringan Ayat : Terdapat pelbagai jenis ayat Kosa kata : Luas dan tepat penggunaannya Tanda baca : betul dan tepat
	Masih Baik / Memuaskan	a) (25 - 27) b) (22 - 24)	Bahasa : Masih memuaskan dan lancar Tatabahasa: Terdapat beberapa kesalahan ringan Ayat : Masih terdapat pelbagai jenis ayat Kosa kata : Masih luas dan tepat penggunaannya Tanda baca : Masih betul dan tepat
	Kurang Memuaskan	a) (19 - 21) b) (16 – 18)	Bahasa : Kurang memuaskan dan kurang lancar Tatabahasa: Banyak kesalahan ringan yang dilakukan Ayat : Kurang kepelbagaian jenis ayat Kosa kata : Terhad dan kadangkala salah penggunaannya Tanda baca : Masih betul dan tepat

Keterangan Kriteria	Peringkat	Markah	Ciri-ciri Karangan
	Tidak Memuaskan	a) (13 – 15) b) (10 – 12)	Bahasa : Tidak memuaskan dan tidak lancar Tatabahasa: Banyak kesalahan yang dilakukan Ayat : Tiada kepelbagaian jenis ayat tetapi masih boleh difahami Kosa kata : Terhad dan mudah serta banyak penggunaannya yang salah Tanda baca : Masih betul/campur aduk
	Lemah	a) (6 – 9) b) (1 – 5)	Bahasa : Lemah Tatabahasa: Banyak kesalahan Ayat : Struktur ayat lemah sehingga sukar difahami /kabur Kosa kata : Banyak yang tidak tepat penggunaannya Tanda baca : Banyak kesalahan

Keterangan Kriteria	Peringkat	Markah	Ciri-ciri Karangan
4. Pengolahan/ Penyampaian/ Pemerenggan (20 markah)	Cemerlang	a) (19 - 20) b) (17 – 18)	<ul style="list-style-type: none"> - Istimewa/ sangat menarik dan sejati berkesan - Pemerenggan sangat sesuai dan seimbang serta ada kesinambungan
	Baik	a) (15 – 16) b) (13 – 14)	<ul style="list-style-type: none"> - Menarik dan berkesan. - Pemerenggan sesuai dan seimbang
	Masih Baik / Memuaskan	a) (11 – 12) b) (09 – 10)	<ul style="list-style-type: none"> - Masih menarik dan berkesan - Pemerenggan sesuai
	Kurang Memuaskan	a) (07 – 08) b) (05 – 06)	<ul style="list-style-type: none"> - Kurang menarik dan kurang berkesan. - Pemerenggan masih sesuai
	Lemah	a) (03 – 04) b) (01 – 02)	<ul style="list-style-type: none"> - Pengolahan lemah - Pemerenggan kurang/ tidak sesuai

2.3 Markah maksimum bagi karangan yang panjangnya kurang daripada 350 perkataan, terpesong isi dan lain dari tajuk.

Jumlah Perkataan	Takrif (10)	Isi/Fikiran (30)	Bahasa (40)	Pengolahan/ Pemerenggan (20)	Markah Maksimum
300-349	6	18	27	13	64
251-299	4	15	24	10	53
Kurang 251	4	12	18	6	40
Terpesong Isi	0	0	40	0	40
Lain daripada Tajuk	0	0	25	0	25

2.4 Pemotongan markah untuk ejaan yang salah

½ markah dipotong untuk setiap ejaan yang salah, tetapi tiada pemotongan markah pada kesalahan yang berulang. Pemotongan markah keseluruhan (maksimum) ialah 5 markah sahaja. Ejaan hendaklah menggunakan Sistem Ejaan Baru Malaysia/Indonesia sepenuhnya. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan rumi atau jawi.

2.5 Pemotongan markah untuk format

Markah dipotong untuk setiap kesalahan/format. Maksimum pemotongan markah ialah 4 markah.

2.6 Markah bersih / muktamad itu hendaklah ditulis di penjuru atau sebelah kanan pada halaman pertama karangan. Markah itu hendaklah dikepong dengan bulatan apabila markah itu sudah dicatat dalam Buku Markah/Borang OMR. Contohnya:-

$$\begin{array}{r} T = 6 \\ I = 18 \\ B = 24 \\ \underline{P = 16} \\ K = 64 \\ -E = -2 \\ -F = \underline{-4} \\ 58 \end{array}$$

2.7 Pemeriksa dikehendaki memberi **komen** sekiranya perlu pada karangan yang diperiksa seperti karangan terpesong, karangan pendek, menyalin soalan semata-mata dan sebagainya.

3.0 Cara menanda kesalahan isi, bahasa, ejaan dan tanda baca.

()	=	Kesalahan isi
_____	=	Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan
/	=	Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)
//	=	Kesalahan ejaan yang berulang
○	=	Kesalahan tanda baca

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

Skema Jawapan Rumusan

Pendahuluan:

kesan jenayah cetak rompak di negara ini dan langkah-langkah mengatasinya. (2 markah)

Isi Tersurat :

1. Hasil seni para karyawan tempatan tidak dihargai oleh orang ramai.
2. Gejala ini boleh melumpuhkan industri muzik dan perfileman tanah air.
3. Semangat para karyawan untuk menghasilkan karya yang bermutu akan luntur.
4. Syarikat rakaman lebih banyak mengeluarkan album kompilasi.
5. Keyakinan pelabur asing untuk melabur dalam projek multimedia akan tergugat.
6. Kita akan mengalami kesukaran untuk menarik filem luar ke negara ini.

Isi Tersirat:

1. Karyawan tempatan akan mengalami kerugian / pendapatan mereka merosot. (Su 1)
2. Industri muzik dan perfileman tanah air tidak akan berkembang. (Su 2)
3. Karya yang dihasilkan tidak berkualiti. (Su 3)
4. Album baharu tidak bertambah di negara kita. (Su 4)
5. Kemajuan / perkembangan projek multimedia akan terjejas. (Su 5)
6. Orang ramai hanya berpeluang menonton peluang tempatan / tidak dapat menonton filem dari luar negara. (Su 6)

Kesimpulan :

1. Semua pihak bekerjasama mengatasi jenayah cetak rompak demi mengekalkan imej negara. (2 markah)
2. Usaha mengatasi jenayah cetak rompak adalah penting agar perkembangan kreativiti karyawan tidak terbantut. (2 markah)

Soalan 2

- a) i. menegakkan - pendapat, kebenaran, tiang yang condong. - 2m
ii. menghabiskan - masa, harta benda, menyelesaikan, merosakkan. - 2m
- b) i. menghisap - menyedup
memberikan - menyampaikan - 2m
ii. menyuruh - menitahkan
dirasai - dialami - 2m
- c) i. merasa - berasa
masuk - memasuki
sebab - disebabkan - 3m
ii. berusaha - mengusahakan
dibiarkan - terbiar
sahutan - menyahut - 3m
- d) Salmi ingin tahu sebab Zainun kelihatan muram - (1m) Zainun menyatakan bahawa dia ada masalah - (1m) Salmi meminta Zainun bertenang (1m) dan ingin tahu masalah yang dimaksudkan oleh Zainun - (1m) Zainun menyatakan bahawa Salmi tidak mungkin boleh menyelesaikan masalah yang dihadapinya (1m) Salmi menyatakan bahawa belum tentu masalah itu tidak dapat diselesaikan kalau tidak diberi peluang untuk dia mencubanya - (1m)

Soalan 3

- a) Petikan pemahaman umum
- i. Maksud bahasa yang rancu - bahasa yang kacau tanpa peraturan yang tetap. (1 markah)
Sebab berlaku - bahasa dianggap sekadar alat untuk menyampaikan maklumat atau,
- bahasa tidak penting asalkan maklumat yang disampaikan dapat difahami. (1 markah)
- ii. - Kononnya untuk memberikan peluang kepada rakyat Malaysia mendengar dan menggunakan Bahasa Inggeris.
- Kononnya lebih sesuai untuk memperkatakan isu tentang sains dan teknologi serta isu ekonomi
- Untuk menarik penonton dan pendengar yang lebih ramai. (3 markah)
- Kesannya - Bahasa Melayu akan kehilangan identitinya/maruahnya.
- Bahasa Melayu tidak akan mencapai tahap bahasa yang standard dan sukar mengungkapkan sebarang ilmu.
- Bahasa Melayu akan terus terpinggir.

Petikan Prosa Moden 3 (b)

- (i) -Tertarik akan cara guru kelasnya mengajar
-ibu, bapa, dan tiga orang adiknya terkorban akibat kemalangan jalan raya
-dia seolah-olah kehilangan arah
-dipelihara oleh nenek yang miskin dan lanjut usia
-Cikgu Balkis menyara persekolahan “aku” dan memberikan kasih sayang
- (3M)

- (ii) -semangat yang luntur
-hilang pertimbangan diri
-kehilangan tempat bergantung untuk meneruskan hidup dalam usia yang muda
- (3M)

- (iv) - “aku” ialah Muliati
- berjaya mendapatkan ijazah dalam majlis konvokesyen
- mendapat kad ucapan tahniah daripada cikgu Balkis
- cikgu Balkis akan dibedah
- Muliati akan menangis
- (4M)

Petikan Prosa Klasik 3 (c)

- (i) -supaya tidak dikenali oleh Sita Dewi
-Helah -- meminta Sita Dewi menganugerahi sesuatu kepadanya supaya tangan Sita Dewi melebihi guris yang dibuat Laksamana dan dengan itu berjaya melarikan Sita Dewi
- (3M)

- (ii) -Guris ialah garisan
-Garisan yang dibuat Laksamana tidak berjaya melindungi Sita Dewi kerana Rawana lebih bijak memperdayakan Sita Dewi dengan meminta menghulur tangannya keluar dari garisan itu sebelum menculiknya.
- (2M)

- (iii) -unsur penyamaran penting kerana:
-bertujuan melindungi perwatakan sebenar watak tersebut.
-kebiasaannya penulis akan menggambarkan watak jahat dengan rupa paras yang buruk supaya orang lain mengenali (contohnya wajah Rawana)
-Jika penyamaran tidak dibuat, pasti segala hajat/niat watak antagonis tidak akan berjaya
- (3M)

Petikan Puisi 3 (d)

(i) Bermaksud tiada lagi perasaan keikhlasan / kejujuran (2m)

(ii) ... kehidupan manusia semakin terancam sebagai akibat keamanan yang dirosakkan oleh kekejaman manusia yang mementingkan diri sendiri.
... Kehidupan manusia tidak menentu dan tidak mahu mengalah
... manusia hidup tanpa kerjasama antara satu sama lain (3m)

(iii) ... Ya, persoalan utama yang diperkatakan dapat diatasi.
... Persoalan ini dapat diatasi: (*alasan*)
... jika manusia saling bekerjasama dan faham-memahami .
... jika manusia mensyukuri anugerah tuhan .
... jika manusia saling mencintai keamanan dan kedamaian.
... sekiranya manusia tidak sombong / ego / bangga diri (4m)

Soalan 4

a) Watak-watak sampingan yang terdapat dalam novel Terminal Tiga dan peranannya dalam membantu watak utama. (7 markah)

- i. Bang Maily - Seorang pegawai di Jabatan Kebudayaan negeri Sabah dan suka berbudi kepada orang.
- Dia sanggup membawa Rim dari kawasan pedalaman untuk ke Kota Kinabalu dan membenarkan Rim menumpang di rumahnya malah berusaha menguruskan biasiswa untuk Rim yang belajar di Akademi Seni Kebangsaan.
- ii. Kak Naspura- Isteri kepada Bang Maily dan amat rapat dengan Rim dan banyak memberi dorongan kepadanya.
- Seorang yang baik hati, peramah dan mengambil berat terhadap Rim.
- iii. Ruzaini - Gadis Dusun yang tinggal di kawasan pedalaman – merupakan jiran Rim.
- Sering mengutus surat kepada Rim untuk menceritakan perkembangan yang berlaku dalam keluarganya.
- iv. Azlina dan Jasmin - Mereka merupakan sahabat Rim di Akademi Seni Kebangsaan.
- Saling membantu ketika belajar.
- Ibu Rim - Seorang wanita yang tinggal di pedalaman dan ditinggalkan suami lebih sepuluh tahun.
- Seorang yang sangat tabah dan mengambil berat dalam menjaga Rim dan adik-adiknya.

a watak lain yang sesuai dengan kehendak soalan.

ana 4 isi (satu isi dengan huruf)

b) Pengajaran daripada Novel Terminal Tiga. (8 markah)

1. **Mestilah Gigih Berusaha Untuk Memastikan Kejayaan**

Menerusi novel ini watak Rim gigih berusaha untuk mendapatkan biasiswa atau pinjaman daripada institusi tertentu. Usahnya berhasil apabila dia berjaya mendapatkan pinjaman daripada Jabatan Kebudayaan dan Sukan, Sabah.

2. **Mesti Menggunakan Akal Fikiran**

Menerusi novel ini dapat dilihat bagaimana Rim tidak menggunakan akal fikirannya dalam menerima pelawaan kenalan barunya untuk meminum minuman keras. Akhirnya Rim menyesali perbuatannya apabila berasa Bang Maily akan memarahinya.

3. **Hidup Mesti Bekerjasama Dan Bantu-Membantu**

Dalam novel ini dapat dilihat sifat kerjasama dan bantu-membantu akan menghasilkan kejayaan. Hal ini dapat dilihat melalui kerjasama antara peserta dalam Bengkel Penulisan di Ranau, Sabah, telah menghasilkan kejayaan pada malam improvisasi.

4. **Pentingnya Rasa Simpati Atau Belas Kasihan**

Dalam novel ini dapat dilihat perasaan simpati atau belas kasihan Kak Naspura terhadap Rim yang tidak mempunyai tempat tinggal setibanya di Sabah. Kak Naspura telah mempelawa Rim untuk datang ke rumahnya meskipun pada waktu itu Bang Maily tidak ada di rumah. Kebaikan Kak Naspura ini telah dikenang oleh Rim dengan membandingkannya dengan kenalan Rim yang lain.

5. **Kita Tidak Boleh Memandang Rendah Terhadap Orang Lain**

Menerusi novel ini, watak Ramon telah menghina dan memandang rendah Rim dengan mengatakan Rim berasal dari kawasan pedalaman. Namun, akhirnya Rim yang dahulu dihinanya kini telah berjaya memasuki Akademi Seni Kebangsaan.

6. **Meminta Keizinan**

Seorang hendaklah meminta keizinan daripada keluarganya atas sekurang-kurangnya memberitahu mereka sekiranya kita hendak meninggalkan rumah. Hal ini penting supaya ahli keluarga dapat mengetahui ke mana kita hendak pergi dan di mana hendak tinggal supaya tidak menyusahkan mereka. Contohnya, Rim meminta keizinan daripada emaknya apabila dia hendak mengikut Bang Maily ke Kota Kinabalu. Walaupun emaknya tidak membenarkan dia pergi, tetapi apabila Rim mengambil keputusan untuk pergi juga ke Kota Kinabalu, sekurang-kurangnya emaknya mengetahui hal itu dan tidak bimbang.

7. **Dedikasi**

Setiap orang perlu menjalankan tugas dengan jujur dan amanah. Bang Maily sikap dedikasinya dalam menjalankan tugas dengan baik. Walaupun dia seorang pembantu seperti Pak Cantan, Rim, dan Ramon, tetapi kerja dilaksanakan dengan sempurna.

Nota : Terima mana-mana 4 isi. (satu isi – 2 markah) iaitu ada isi dan !
Atau mana-mana jawapan yang sesuai dengan keperluan soalan